
Bagaimana Kemelesetan Global Baru-baru ini Memberikan Kesan kepada Ekonomi Malaysia?

Pengenalan

Masalah dalam sistem kewangan Amerika Syarikat (AS) yang bermula pada pertengahan tahun 2007 berpunca daripada kemerosotan kualiti aset subprima. Perkembangan buruk ini merebak hingga menjadi krisis kewangan global yang besar lagi ketara pada separuh pertama 2008. Kegagalan beberapa buah institusi kewangan AS dan global yang utama pada bulan September 2008 khususnya telah membangkitkan kebimbangan meluas mengenai gangguan sistemik merentas pasaran kewangan global, yang kemudiannya telah mengakibatkan 'pembekuan' pasaran antara bank dan pasaran kredit di banyak pusat kewangan seluruh dunia. Meskipun pihak berkuasa melaksanakan langkah kewangan yang besar dan agresif yang tidak pernah diambil sebelum ini, krisis tersebut menjadi bertambah buruk apabila lebih banyak kelas aset kewangan mengalami keruntuhan harga lantas mengakibatkan kesan negatif yang amat besar terhadap pendapatan dan kekayaan. Fenomena ini bersama-sama dengan kehilangan keyakinan yang meluas juga menyebabkan kemelesetan serentak dalam kalangan ekonomi maju pada separuh kedua 2008. Keadaan ini menjadi bertambah buruk pada suku pertama 2009 (Rajah 1). Berikutan pelaksanaan rangsangan dasar fiskal dan monetari yang besar, ekonomi global mula menunjukkan tanda-tanda penstabilan pada suku kedua 2009, sebelum beransur-ansur pulih menjelang akhir tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi global adalah tidak sekata, dengan pertumbuhan ekonomi maju masih lagi lemah manakala ekonomi sedang pesat membangun pula lebih kukuh prestasinya.

Rajah 1
Ekonomi Maju Menghadapi Kemelesetan Serentak Menjelang Akhir Tahun 2008



Sumber: Haver Analytics

Kemelesetan yang ketara dalam ekonomi maju telah mengakibatkan kesan limpahan yang nyata kepada ekonomi di rantau Asia memandangkan hubungan kewangan dan perdagangan yang rapat. Menjelang akhir tahun 2008, proses pembayaran balik hutang pada peringkat global juga telah menyebabkan aliran keluar dana portfolio jangka pendek yang besar dari rantau ini di samping kemerosotan yang ketara dalam aktiviti pembiayaan bank. Ini mengakibatkan kemerosotan besar dalam pasaran ekuiti dan pasaran hutang, memperlahankan kemasukan pelaburan langsung asing dan melemahkan nilai mata wang serantau berbanding dengan dolar AS. Walau bagaimanapun, asas-asas ekonomi dan sektor kewangan rantau ini yang kukuh membolehkan ekonomi serantau menangani perkembangan buruk ini dengan baik tanpa mengganggu proses pengantaraan sistem kewangan domestik. Kemerosotan perdagangan global yang teruk telah menyebabkan rantau ini mengalami kejatuhan eksport dan pengeluaran perindustrian yang besar. Ini lantas telah mengakibatkan negara di rantau ini yang lebih terbuka ekonominya mengalami penguncupan ekonomi, manakala ekonomi lain pula mencatat kejatuhan pertumbuhan yang ketara pada suku keempat 2008.


Kesan Kemelesetan Global Terhadap Malaysia

Krisis kewangan global dan aktiviti pembayaran balik hutang dalam ekonomi maju telah mendorong aktiviti penjualan aset di seluruh dunia, termasuk di rantau ini, lantas menyebabkan penurunan yang ketara dalam pasaran ekuiti dan bon serantau. Aliran keluar modal jangka pendek juga ketara khususnya pada separuh kedua 2008 apabila dana dihantar balik ke AS. Namun, trend aliran modal tersebut dapat diimbangi oleh pasaran kewangan domestik memandangkan mudah tunai dalam

sistem kewangan adalah lebih daripada mencukupi dan sistem perbankan pula kukuh. Kedudukan rizab AS yang teguh turut bertindak sebagai penampan bagi mudah tunai dolar AS dan turun naik dalam kadar pertukaran dalam tempoh yang bergolak ini. Tambahan pula, reformasi sektor kewangan dan inisiatif bina upaya secara meluas berikutan krisis kewangan Asia telah meningkatkan daya tahan sektor kewangan untuk menghadapi kemelut krisis kewangan ini. Dedahan sistem perbankan domestik terhadap aset subprima juga terhad.


Sistem perbankan Malaysia berada pada asas yang kukuh semasa krisis kewangan global meletus. Tahap permodalan sistem perbankan Malaysia terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko pada 14.7% pada akhir Disember 2009 (akhir 2008: 12.6%), manakala nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih adalah rendah pada 1.8% (akhir 2008: 2.2%). Tahap permodalan yang kukuh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan telah memastikan fungsi pengantaraan dapat berjalan seperti biasa. Ini seperti ditunjukkan oleh pengembangan berterusan dalam pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan isi rumah sepanjang tahun 2009. Jumlah pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 2.6% pada akhir tahun 2009 (akhir 2008: 13.2%), sementara pinjaman isi rumah terkumpul terus mapan pada kadar yang tinggi, iaitu 9.8% pada akhir tahun 2009 (akhir 2008: 9.7%).

Rajah 2
Kejatuhan Perdagangan Dunia Menyebabkan Penguncupan Mendadak Eksport Kasar dan Pengeluaran Sektor Perkilangan Malaysia



Sumber: Haver Analytics; Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 3
Sektor Perkilangan yang Berorientasikan Eksport Menerima Kesan Paling Teruk




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memandangkan Malaysia merupakan ekonomi yang sangat terbuka, kesan kemelesetan global begitu dirasai oleh sektor yang berkaitan dengan perdagangan luar. Kemelesetan ekonomi maju mula memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia pada suku keempat 2008. Eksport dan pengeluaran perkilangan masing-masing menurun sebanyak 7.4% dan 11.1% (Rajah 2), manakala aktiviti pelaburan swasta menjadi lembap oleh keadaan perniagaan yang semakin merosot. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri yang berterusan, khususnya penggunaan swasta, memberi sokongan kepada ekonomi lantas mengelakkannya daripada mengalami penguncupan ekonomi pada suku keempat 2008 (pertumbuhan KDNK benar: 0.1%).

Malaysia mengalami kesan krisis global sepenuhnya pada suku pertama 2009, apabila kemelesetan ekonomi maju yang kian meruncing memburukkan lagi kesan kemerosotan ketara dalam permintaan global terhadap perdagangan, aktiviti pengeluaran dan pelaburan dalam ekonomi domestik. Apabila ekonomi maju dan sebilangan ekonomi sedang pesat membangun terjerumus ke kancah kemelesetan

yang teruk pada suku pertama 2009, perdagangan dunia jatuh dengan ketara sebanyak 28.6% (S4 08: -7.4%). Ini seterusnya telah menjejaskan eksport dari rantau ini, termasuk Malaysia. Eksport kasar Malaysia merosot sebanyak 20% pada suku tersebut (S4 08: -7.4%) lalu menjejaskan aktiviti pengeluaran, khususnya sektor perkilangan (Rajah 3). Sebagai tindak balas terhadap kemerosotan ketara eksport dan aktiviti pengeluaran, firma-firma mengambil langkah mengurangkan kos pekerja dengan membekukan pengambilan pekerja baharu, memulakan pengurangan gaji dan waktu kerja lebih masa serta memberhentikan sebahagian daripada pekerja. Jumlah pemberhentian pekerja meningkat kepada 12,590 orang pada suku pertama, berbanding dengan purata suku tahunan sebanyak 3,873 orang dalam tahun 2005-2008, terutamanya pekerja perkilangan. Kadar pengangguran meningkat kepada 4% pada suku pertama 2009 (S4 2008: 3.1%).

Rajah 4
Kelemahan Sektor Luar Menjurus kepada Kelemahan Sektor Dalam Negeri yang Meluas dalam Ekonomi pada Suku Pertama Tahun 2009



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun pendapatan isi rumah dalam sektor lain yang tidak terdedah secara langsung kepada permintaan luar tidak terjejas, sikap berbelanja mereka turut dipengaruhi sentimen yang lemah ekoran keadaan ekonomi keseluruhan yang lembap di samping ketidakpastian mengenai prospek pendapatan dan jaminan pekerjaan. Ini menyebabkan penurunan kecil dalam perbelanjaan penggunaan swasta sebanyak 0.7%. Jumlah pelaburan pula merosot dengan ketara (-10.8%), berikutan penguncupan yang besar dalam perbelanjaan pelaburan swasta, dengan aktiviti pengembangan kapasiti terjejas oleh penurunan yang besar dalam permintaan luar, penggunaan kapasiti yang lebih rendah daripada biasa dan keyakinan perniagaan yang semakin lemah. Kesannya, permintaan dalam negeri agregat menurun sebanyak 2.9% dan ekonomi menguncup dengan nyata sebanyak 6.2% pada suku pertama 2009 (Rajah 4). Ini merupakan penguncupan pertama sejak suku ketiga 2001. Ambilan inventori yang besar pada suku itu, khususnya dalam sektor perkilangan dan komoditi, menyebabkan kemerosotan pertumbuhan selanjutnya.

Tindak Balas Dasar dan Pemulihan Ekonomi Malaysia

Dalam tindak balasnya kepada krisis global, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah dasar untuk mengurangkan kesan buruk daripada kemerosotan global dan untuk menghalang ekonomi daripada tergelincir ke dalam kancah kemelesetan (Jadual 1). Langkah-langkah ini tertumpu pada tiga bidang yang luas, iaitu dasar fiskal (dua pakej rangsangan berjumlah RM67 bilion atau 9.9% daripada KDNK), pelonggaran dasar monetari (Kadar Dasar Semalaman dikurangkan sebanyak 150 mata asas kepada 2.00%) dan diperkuat oleh langkah komprehensif untuk memastikan akses kepada pembiayaan berterusan. Pelaksanaan langkah-langkah ini bukan sahaja memberikan sokongan secara langsung kepada aktiviti dalam negeri, bahkan sama pentingnya ialah tindakan ini telah mendorong pemulihan sentimen perniagaan dan pengguna. Hasilnya, permintaan dalam negeri mencatat penurunan yang lebih perlahan sebanyak 2.2% pada suku kedua 2009, sebelum pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.7% pada separuh kedua tahun itu. Yang penting ialah penggunaan swasta menjadi bertambah baik untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 0.5% pada suku kedua, sebelum menjadi lebih kukuh kepada 1.7% pada suku keempat.

Dari segi sektor luar, penstabilan, yang disusuli oleh pemulihan beransur-ansur dalam ekonomi global sejak pertengahan tahun 2009, terus menyokong ekonomi Malaysia. Khususnya, pemulihan ekonomi serantau yang kukuh, terutamanya RR China, memberi manfaat kepada Malaysia, dengan eksport

ke rantau Asia menjadi bertambah baik pada separuh tahun kedua. Eksport Malaysia ke RR China khususnya kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan tahunan yang positif seawal bulan Ogos. Pemulihan dalam eksport menjadi lebih menyeluruh menjelang akhir tahun berikutan pemulihan eksport ke beberapa buah ekonomi maju. Hasilnya, permintaan luar menyumbang secara positif kepada pertumbuhan pada suku keempat 2009.

Kesimpulan
Sebagai ekonomi yang amat terbuka, Malaysia turut terjejas oleh kemelesetan ekonomi global yang bermula pada suku ketiga 2008 dan berterusan hingga suku pertama 2009. Dengan penstabilan pasaran kewangan global yang disusuli oleh pemulihan dalam ekonomi maju, tindak balas dasar yang pantas melalui dasar fiskal dan monetari telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan permintaan dalam negeri sepanjang tempoh itu. Asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh, sistem kewangan yang teguh dan pelaksanaan langkah sokongan dasar komprehensif yang proaktif telah berjaya menghindarkan ekonomi negara daripada tergelincir ke kancah pertumbuhan negatif yang lebih buruk dan berpanjangan. Asas-asas ekonomi dan kewangan yang kukuh telah menyediakan asas bagi pemulihan yang cepat. Kekuatan dan kestabilan sistem kewangan domestik sepanjang tempoh ini memastikan pengantaraan kewangan tidak terganggu dan sektor swasta boleh terus mendapat akses kepada kredit. Bersama-sama dengan kedudukan kewangan swasta yang kukuh, situasi ini akan mendorong pemulihan yang cepat dalam permintaan dalam negeri sebaik sahaja krisis kewangan global terkawal dan ekonomi global kembali stabil. Melangkah ke hadapan, asas-asas ini akan mencerahkan lagi prospek pemulihan yang lebih kukuh.

Jadual 1: Tindak Balas Dasar untuk Mengurangkan Kemelesetan Ekonomi

Tindak Balas Dasar	Langkah-langkah
Dua Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion (suntikan fiskal langsung: RM22 bilion), dengan tumpuan utama untuk menyokong permintaan dalam negeri dan mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi global terhadap segmen ekonomi yang terjejas	➢ Pakej pertama (RM7 bilion) • Membina, menaik taraf, memperbaik dan menyelenggara kemudahan • Membina rumah kos rendah dan sederhana • Program pembangunan modal insan • Penambahbaikan perkhidmatan telekomunikasi yang lebih pesat • Bantuan kepada Sektor Swasta ➢ Pakej kedua (RM60 bilion) • Mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan • Meringankan beban orang ramai, terutamanya kumpulan yang mudah terjejas • Membantu sektor swasta untuk menghadapi krisis • Membina kapasiti untuk masa hadapan
Rangsangan monetari untuk mengurangkan kos pengantaraan	➢ Menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 150 mata asas kepada 2.0% antara bulan November 2008 hingga bulan Februari 2009 ➢ Mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 300 mata asas kepada 1.0%
Langkah komprehensif untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan, serta meminimumkan kesan kemelesetan ekonomi terhadap sektor tertentu yang terjejas	➢ Memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan • Skim pembiayaan dan jaminan untuk PKS dan perniagaan • Penubuhan Institusi Jaminan Kewangan (Danajamin Nasional Bhd) ➢ Penyusunan Semula dan Penjadualan Semula Kemudahan Kredit • Fleksibiliti untuk menyusun dan menjadual semula pinjaman supaya dapat menyelesaikannya dengan lebih awal dengan peminjam • Peranan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang dipertingkatkan dan Skim Penyelesaian Hutang Kecil yang lebih meluas ➢ Langkah awalan bagi mengekalkan keyakinan terhadap sektor kewangan • Jaminan penuh bagi semua deposit sehingga akhir tahun 2010 • Kemudahan mudah tunai BNM diperluas kepada pengendali insurans dan takaful ➢ Saluran untuk peminjam mendapatkan bantuan dan penyelesaian • Pusat Perhubungan Bersepadu: BNMLINK, BNMTELELINK, Unit Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat • Memperluas skop rangkuman Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit • Saluran Bebas Tol *ABMConnect* • Unit aduan di institusi kewangan • Biro Pengantaraan Kewangan • Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Kecil
Langkah-langkah lain	➢ Pengurangan bahagian caruman pekerja kepada KWSP secara sukarela sebanyak 3 mata peratusan daripada 11% kepada 8% pada tahun 2009 dan 2010 ➢ Membenarkan pembelian harta tanah komersial yang berharga lebih daripada RM500,000 oleh orang asing untuk kegunaan sendiri tanpa memerlukan kebenaran daripada FIC ➢ Meningkatkan tahap kelayakan pinjaman kenderaan untuk kakitangan awam